

(3)04/C/656/2 Jilid 2

28 November 2008

PK (EF) MPOB 03/2008

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit,
Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Penapis,
Semua Pemegang Lesen Kategori Pengeksport

Tuan/ Puan,

**MELAPORKAN KEPADA LEMBAGA KONTRAK DIBATALKAN (CANCELLED CONTRACT),
KONTRAK DIMUNGKIRI (DEFAULTED CONTRACT) DAN KONTRAK BAGI JUALAN DAN
BELIAN SEMULA (BUY AND SELL BACK CONTRACT)**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara tersebut di atas.

Ekoran daripada krisis kewangan yang sedang melanda ekonomi dunia masakini dipercayai terdapat kontrak-kontrak yang telah dimeteri sebelum ini terpaksa dimungkiri atau dibatalkan oleh pihak pengimport/ pembeli. Bagi membolehkan pihak Lembaga memantau secara dekat status kontrak dan masalah ini, sukacita saya ingin memohon kerjasama tuan untuk melaporkan kepada Lembaga maklumat-maklumat seperti di bawah :

- i. Nombor Kontrak Asal
- ii. Pembeli
- iii. Kuantiti
- iv. Jenis Keluaran Sawit
- v. Nilai Kontrak
- vi. Bulan Hantaran

Maklumat-maklumat tersebut hendaklah dihantar kepada Lembaga di alamat seperti berikut :


Unit Pembangunan Perdagangan
Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri
Wisma Sawit
Lot 6, SS 6, Jalan Perbandaran,
47301 Kelana Jaya, Selangor.
(u/p : En. Kamaruddin Mohd. Idris)
Tel : 03- 7803 5544 / 03- 7800 2927
Fax : 03- 7803 3533

Dimaklumkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan 3(6), Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pendaftaran Kontrak) 2005 terhadap mana-mana pemegang lesen yang gagal melaporkan maklumat-maklumat ini dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM200,000.00 atau dua (2) tahun penjara atau kedua-dua sekali.

Kerjasama tuan dalam mengemukakan maklumat-maklumat seperti yang dikehendaki didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



DATO' DR. MOHD BASRI WAHID

Ketua Pengarah
MPOB

- s.k i. Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)
 ii. Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan
 iii. Pengarah Ekonomi dan Pembangunan Industri



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN**
PEKELILING PENGUATKUASAAN

Rujukan Pekeliling : **Pk (EF) MPOB 03/2008**
Tarikh Kuatkuasa : **06 NOVEMBER 2008**
Perkara : **MELAPORKAN KEPADA LEMBAGA KONTRAK
DIBATALKAN (CANCELLED CONTRACT)/ KONTRAK
DIMUNGKIRI (DEFAULTED CONTRACT) DAN KONTRAK
BAGI JUALAN DAN BELIAN SEMULA (BUY AND SELL
BACK CONTRACT)**

1.0 TUJUAN

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kontrak dibatalkan, kontrak dimungkiri dan kontrak bagi jualan dan belian semula.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Ekoran daripada krisis kewangan yang sedang melanda ekonomi dunia masakini, didapati terdapat kontrak-kontrak yang telah dimeteri terpaksa dimungkiri atau dibatalkan oleh pengimport/ pembeli.
- 2.2 Pihak Lembaga perlu memantau perkara ini bagi menganggarkan kerugian yang dialami oleh industri.

3.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 3.1 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Peleesen) 2005 iaitu syarat am bagi pemegang lesen memperuntukkan bahawa pemegang lesen hendaklah, dari semasa ke semasa, mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.
- 3.2 Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan 3(6), Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pendaftaran Kontrak) 2005 terhadap mana-mana pemegang lesen yang gagal melaporkan maklumat-maklumat ini dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM200,000.00 atau dua (2) tahun penjara atau kedua-dua sekali.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN**

4.0 MAKLUMAT YANG DIKEHENDAKI

4.1 Melaporkan kepada Lembaga maklumat-maklumat seperti berikut :

- i. Nombor Kontrak Asas
- ii. Pembeli
- iii. Kuantiti
- iv. Jenis Keluaran Sawit
- v. Nilai Kontrak
- vi. Bulan Hantaran

5.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 03/2008 [Pk (EF) MPOB 03/2008 adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Kilang Buah, Kilang Penapis dan Pengeksport.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Penguatkuasa ini mula berkuatkuasa pada **06 November 2008**.

7.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

Surat pekeliling ini diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

DATO' DR. MOHD. BASRI WAHID
Ketua Pengarah
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Tarikh : 06 November 2008

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpoib.gov.my>